

02/08/2002

Kerajaan tidak tokok tambah klip video

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan tidak mengubah atau menokok tambah klip video yang memaparkan pemimpin Pas menghina Perdana Menteri dan mendakwa Tuhan itu samseng.

Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata apa yang ditayangkan Radio Televisyen Malaysia (RTM) adalah ucapan sebenar pemimpin Pas ketika berceramah.

"Kita ada bahagian filem (footage) dan yang apa disebut penceramah. Kerajaan tidak akan menokok tambah. Apa yang ditunjukkan kepada rakyat ialah apa yang disebut mereka seperti barua atau uk...uk...uk.

"Ini semua perkara yang mereka buat kerana kehabisan idea demi mempertahankan Kelantan dan Terengganu serta bercita-cita menawan negeri lain," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis dialog dengan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor di sini, hari ini.

Beliau mengulas dakwaan pihak tertentu bahawa RTM menokok tambah dan menggunakan taktik kotor bagi menunjukkan pemimpin Pas membuat fitnah terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam klip video yang ditayangkan RTM, Bunyamin Yaakob yang juga Pegawai Penerangan Pas Kelantan menuduh Dr Mahathir menonton video lucu bersama cucu di kediamannya.

Sementara dalam klip video lain, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, pula mendakwa Tuhan itu samseng.

Bagaimanapun, akhbar hari ini melaporkan Nik Abdul Aziz mendakwa perkataan samseng dalam sedutan ucapan klip video itu terkeluar daripada konteks sebenar ucapannya.